

**PENGAMBILAN PELAJAR
OGOS 2010
SESI AKADEMIK
2010/2011**



جامعة سري بكاون للتربية الدينية
KOLEJ
UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
SERI BEGAWAN RELIGIOUS TEACHERS UNIVERSITY
COLLEGE

| PROGRAM DITAWARKAN | BAHASA PENGANTAR | TEMPOH | SYARAT-SYARAT KEMASUKAN |
|--|------------------|---|--|
| PROGRAM IJAZAH SARJANA | | | |
| 3101 Sarjana Perguruan Ugama (Aqidah) | Arab dan Melayu | 1 ½ - 2 tahun (sepenuh masa) | 1. Memperolehi Sarjana Muda Perguruan Ugama dalam bidang yang bersesuaian dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat Jayyid ATAU kelulusan lain yang setaraf dari mana-mana universiti yang diiktiraf oleh Senat KUPU SB. |
| 3201 Sarjana Perguruan Ugama (Fiqh) | | | 2. Menguasai bahasa Arab dan bahasa Melayu dengan baik. |
| 3301 Sarjana Perguruan Ugama (Penyeliaan) | | 3 - 4 semester (sepenuh masa) | 3. Lulus dalam ujian atau temuduga yang dikendalikan oleh KUPU SB (jika perlu). 4. Mempunyai pengalaman dalam bidang pendidikan adalah suatu kelebihan. |
| PROGRAM DIPLOMA LEPASAN IJAZAH | | | |
| 2301 Diploma Perguruan Ugama Lepas Ijazah | Melayu | 1 tahun (sepenuh Masa) 2 semester (sepenuh masa) | Lulus Ijazah Sarjana Muda dalam aliran agama atau yang bersesuaian dari mana-mana universiti yang diiktiraf oleh senat. |
| PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA | | | |
| 1101 Sarjana Muda Perguruan Ugama (Usuluddin) | Melayu | 4 tahun (sepenuh masa) | 1. Lulus Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat Jayyid, atau mana-mana sijil yang sebanding dengannya |
| 1201 Sarjana Muda Perguruan Ugama (Syariah) | | 8 semester (sepenuh masa) | ATAU Lulus dua mata pelajaran termasuk salah satu daripadanya Usuluddin atau Syariah dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat C dalam Brunei-Cambridge GCE peringkat 'A' atau yang sebanding dengannya dan lulus peperiksaan Sijil Sekolah Rendah Ugama Brunei Darjah VI, atau mana-mana sijil yang sebanding dengannya dan dikehendaki: i. boleh membaca al-Qur'an dengan baik, ii. boleh menulis dan membaca jawi dengan baik, dan iii. lulus dengan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Arab, Brunei-Cambridge GCE peringkat 'O' adalah satu kelebihan, 2. Lulus temuduga. |
| PROGRAM DIPLOMA | | | |
| 0101 Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Usuluddin) | Melayu | 3 tahun (sepenuh masa) | 1. Lulus Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat Maqbul, atau mana-mana sijil yang sebanding dengannya |
| 0201 Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Syariah) | | 6 semester (sepenuh masa) | ATAU Lulus sekurang-kurangnya satu mata pelajaran sama ada Usuluddin atau Syariah dalam Brunei-Cambridge GCE peringkat 'A' atau yang sebanding dengannya dan lulus peperiksaan Sijil Sekolah Rendah Ugama Brunei Darjah VI, atau mana-mana sijil yang sebanding dengannya dan dikehendaki: i. Boleh membaca Al-Quran dengan baik. ii. Boleh menulis dan membaca jawi dengan baik. iii. Lulus dengan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Arab, Brunei-Cambridge GCE peringkat 'O' adalah satu kelebihan, 2. Lulus temuduga. |

NOTA UMUM

- Pemohon biasiswa kerajaan hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon yang berminat untuk mengikuti program Ijazah Sarjana dinasihatkan untuk mendapatkan penerangan daripada fakulti berkenaan sebelum mengemukakan permohonan rasmi.
- Semua permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang permohonan yang boleh didapati dari KUPU SB.
- Bagi permohonan program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama dan Diploma Tertinggi Perguruan Ugama hanya kelulusan STPUB yang diperolehi dalam tempoh tiga tahun kebelakangan atau kelulusan Brunei-Cambridge GCE peringkat 'A' atau yang sebanding dengannya yang diperolehi tidak lebih tiga kali menduduki peperiksaan berturut-turut yang hanya akan dipertimbangkan.
- Pemohon hendaklah lulus tapisan keselamatan yang dikehendaki oleh KUPU SB.
- KUPU SB berhak untuk menolak permohonan yang **tidak lengkap, diterima lewat atau mengandungi maklumat palsu.**
- Borang Permohonan boleh didapati dari KUPU SB dengan harga **\$3.00** satu set. Borang permohonan boleh diperolehi bermula pada **06 Februari 2010, pada waktu hari bekerja, jam 8.30 hingga 11.30 Pagi dan 2.00 hingga 4.00 Petang.**
- Semua borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta salinan sijil dan dokumen-dokumen berkenaan yang **telah disahkan** hendaklah diserahkan kepada Bahagian Kemasukan dan Rekod Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Akademik, KUPU SB tidak lewat pada **06 Mac 2010.**
- Borang Permohonan dari pegawai kerajaan dan swasta, **hendaklah disahkan** oleh Ketua Jabatan, kementerian atau syarikat masing-masing.

PEMOHON MATANG (Mature Applicants)

Jawatankuasa Kemasukan boleh mempertimbangkan permohonan mengikuti Ijazah Sarjana atau Ijazah Sarjana Muda sebagai pemohon matang tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

a) Program Ijazah Sarjana

- Pemohon berumur sekurang-kurangnya 25 tahun semasa pendaftaran.
- Mempunyai pengalaman bekerja dengan kerajaan atau swasta dalam bidang yang bersesuaian tidak kurang dari tiga tahun.
- Lain-lain kelulusan Sarjana Muda yang bersesuaian tertakluk kepada Senat.

b) Program Ijazah Sarjana Muda

- Pemohon berumur sekurang-kurangnya 25 tahun semasa pendaftaran.
- Memperolehi Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) dengan mendapat sekurang-kurang empat mata pelajaran Jayyid termasuk bahasa Arab dan dua mata pelajaran agama dan telah lulus sekurang-kurangnya satu mata pelajaran agama dalam Sijil Tinggi Perguruan Ugama Brunei (STPUB) atau memperolehi sekurang-kurangnya kepujian empat mata pelajaran dalam Brunei-Cambridge GCE peringkat 'O' termasuk Pengetahuan Ugama Islam dan bahasa Melayu dan lulus sekurang-kurangnya satu mata pelajaran sama ada Syariah atau Usuluddin dalam Brunei-Cambridge GCE peringkat 'A' atau yang sebanding dengannya.
- Mempunyai pengalaman mengajar tidak kurang dari tiga tahun.

- Lulus Sijil Latihan Perguruan Ugama dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan atau yang sebanding dengannya dari institusi-institusi perguruan yang diiktiraf oleh kerajaan.

**MAKLUMAT LANJUT
BOLEH DIDAPATI DARI:**

**BAHAGIAN KEMASUKAN DAN
REKOD PELAJAR
BAHAGIAN HAL EHWAL
AKADEMIK**

KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN
Km.2, Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan, BA 2111,
Negara Brunei Darussalam

Telefon (+673)2225227 Ext: 204

Faks (+673)2229721

email: info@kupu-sb.edu.bn